

02/10/2002

Malaysia pastikan hasil penyelidikan tidak 'dicuri'

Misiah Taib; Salina Abdullah

KUALA LUMPUR, Selasa - Kerajaan akan memastikan semua sumber semula jadi Malaysia yang digunakan untuk penyelidikan tidak dibawa keluar dari negara ini, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, segala penyelidikan membabitkan khazanah negara akan dijalankan di dalam negara supaya kekayaan sumber semula jadi itu tidak sewenang-wenangnya 'dicuri' oleh orang luar.

Walaupun kerjasama dengan saintis dan negara luar penting bagi memastikan pembangunan sektor bioteknologi tempatan, perjanjian yang tepat perlu diwujudkan bagi memastikan Malaysia tidak kehilangan hak ke atas sumber dan penyelidikan berkenaan.

"Ini bertujuan memastikan pihak luar tidak memegang hak cipta penemuan berasaskan sumber semula jadi negara dan menjualnya pada harga yang membebaskan pengguna secara keseluruhan," katanya.

Beliau menegaskan demikian dalam sidang akhbar selepas merasmikan Persidangan Antarabangsa Mengenai Bioteknologi (Bio Malaysia) 2002, di sini hari ini. Persidangan empat hari anjuran Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar itu bertujuan memajukan industri bioteknologi Malaysia.

Hadir sama ialah Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Datuk Law Hieng Ding.

Dalam ucapannya, Perdana Menteri berkata walaupun perbelanjaan besar diperlukan untuk menjalankan kegiatan penyelidikan dan pembangunan (R&D), ia tidak seharusnya berasaskan keuntungan semata-mata sehingga tanggungjawab sosial diabaikan.

"Saintis dan penyelidik yang hanya memikirkan pulangan lumayan sebenarnya tidak sesuai menjadi penyelidik. Jika mereka mahukan pulangan, maka hasil penyelidikan dan pengiktirafan masyarakat itulah pulangan yang sebenarnya.

"Seperti pemenang anugerah Nobel. Mereka mengabadikan hidup mereka untuk menghasilkan sesuatu yang memanfaatkan manusia sejagat tanpa dibayar gaji tinggi seperti dinikmati ketua eksekutif syarikat besar," katanya.

Dr Mahathir berharap, dengan kehadiran saintis dan pengusaha dalam bidang berkaitan dari seluruh dunia, persidangan itu dapat membuka lebih peluang kepada pihak terbabit untuk bekerjasama.

Bagaimanapun, katanya, kemajuan bioteknologi di negara ini tidak memadai walaupun Malaysia tergolong antara 12 negara yang mempunyai sumber kepelbagaian biologi mega.

"Kegiatan R&D yang dijalankan penyelidik tempatan tidak mencerminkan kelebihan negara dan tidak memadai dengan potensi serta peluang yang ditawarkan dalam bidang ini. Malah, kebanyakan R&D yang dijalankan tidak menghasilkan paten atau peluang perniagaan baru.

"Kita perlu membangunkan bidang ini sebagai tunggak pembangunan ekonomi berasaskan pengetahuan. Walaupun kita mahu melindungi sumber semula jadi ini, kita harus mengakui bahawa kita memerlukan usaha sama dengan saintis dan syarikat asing untuk menerokai dan mendapat manfaat daripada khazanah bumi Malaysia," katanya.

Beliau berkata, kerajaan akan menubuhkan agensi penguatkuasaan dan jawatankuasa etika bagi memastikan penyelidikan yang dijalankan tidak memudaratkan manusia, khususnya dalam bidang sains hayat.

"Memang benar kita sekarang tinggal di era yang amat menarik. Haiwan diklonkan malah ada cubaan untuk mengklon manusia. Kita boleh hasilkan lebih ramai Einsteins mahupun Hitler.

"Saintis beretika sudah pasti tidak mahu berbuat demikian, tetapi akan

ada saintis tidak bertanggungjawab dan melahirkan 'monster' yang tidak dapat dikawal. Bunyinya seperti fiksyen sains, tetapi ini hakikat yang perlu dihadapi jika kemajuan bioteknologi tidak dikawal," katanya.

Perdana Menteri berkata, tidak menjadi kesalahan untuk menghasilkan organ tertentu bagi tujuan pemindahan organ, tetapi saintis tidak sepatutnya 'berlagak seperti Tuhan' dengan menghasilkan makhluk yang nanti akan membinasakan dunia.

Mengenai makanan yang dihasilkan menerusi pengubahsuaian genetik, beliau berkata, pengeluar makanan terbabit perlu lebih bertanggungjawab dan menjalankan kajian mengenai keselamatan makanan berkenaan sebelum memasarkannya.

"Kajian ini perlu menentukan keselamatan makanan berkenaan dalam jangka pendek dan panjang. Kajian ini penting bagi meningkatkan keyakinan masyarakat mengenai makanan ini," katanya sambil menambah, sudah wujud kebimbangan di kalangan masyarakat mengenai semua makanan yang diubah suai.

Perdana Menteri menegaskan, makanan yang diubah suai secara genetik itu jika disahkan tidak mendatangkan bahaya kepada pengguna boleh mengatasi masalah kebuluran.

Memberi contoh masalah kebuluran di Afrika, Dr Mahathir berkata, ramai rakyat negara itu masih kebuluran walaupun banyak makanan yang diubah suai secara genetik dihasilkan pengeluar kerana takut makanan itu menyebabkan bahaya.

Mengulas dakwaan bahawa pengeluaran makanan dunia ketika ini berlebihan dan boleh membekalkan makanan kepada tambahan 800 juta penduduk jika diedarkan secara berkesan, Dr Mahathir berkata:

"Pada masa ini, kita lihat ramai manusia yang tiada makanan. Makanan yang dihasilkan menerusi pengubahsuaian genetik dapat menambah pengeluaran makanan yang diperlukan ini. Kita tidak boleh ketepikan sesuatu yang mendatangkan kebaikan kepada kita."

Mengenai perkembangan BioValley Malaysia, Perdana Menteri berkata, usaha itu bertujuan menyelaraskan kegiatan R&D yang dijalankan dalam bidang bioteknologi, terutama genomik, farmaseutikal dan pertanian.

Ketika ini, kegiatan R&D dalam bidang berkaitan dijalankan secara berasingan oleh universiti dan institusi penyelidikan, yang memungkinkan berlaku pertindihan.